

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	22 JANUARY 2017

# Najib ucap tahniah Trump angkat sumpah jawatan

BH-22/1/2017

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Najib Razak mengucapkan tahniah kepada Donald Trump selepas mengangkat sumpah sebagai Presiden Amerika Syarikat Ke-45.

Dalam kenyataan semalam, Perdana Menteri menarik perhatian bahawa hubungan antara Amerika Syarikat (AS) dan Malaysia berkembang sejak tahun kebelakangan ini, hingga mencapai peningkatan kepada perkongsian komprehensif pada 2014.

Dalam ucapan tahniah kepada presiden baharu itu, Najib berkata beliau menaruh harapan untuk bekerjasama dengan Trump.

"Saya yakin bahawa di bawah ke-



Beliau bersuara untuk Amerika yang beliau berasa ia telah diabaikan terlalu lama"

**Najib Razak,**  
Perdana Menteri

pimpinan beliau, hubungan antara AS dan Malaysia akan bertambah kukuh dan kita akan menjadi rakan setia bagi keamanan dan kestabilan di rantau itu," katanya.

## Tidak ambil mudah kuasa

Najib berkata, Trump menyandang jawatan itu selepas mengharungiliku-liku perjalanan luar biasa yang menunjukkan bahawa ahli politik tidak harus mengambil mudah kuasa di tangan pengundi.

"Beliau bersuara untuk Amerika yang beliau berasa ia telah diabaikan terlalu lama. Sekarang ialah masa untuk mentadbir untuk semua rakyat Amerika," kata Perdana Menteri.

Trump, calon Republikan, mengangkat sumpah pada Jumaat di Washington DC selepas menewaskan calon Demokrat, Hillary Clinton dalam saingan sengit pada pemilihan Presiden AS.

## Hubungan terus terjalin

Di **Bagan Datuk**, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, kerjasama dan perkongsian maklumat serta perisikan antara Malaysia dan AS terus terjalin tanpa mengira siapa yang menjadi Presiden negara itu.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerjasama dan perkongsian itu berbentuk jangka panjang menerusi

perjanjian dua hala dan bukannya dalam bentuk Memorandum Persefahaman (MoU) yang boleh dibatalkan bila-bila masa.

"Daripada jangka panjang, biarpun Presiden AS bertukar (daripada Barack Obama kepada Trump), perkongsian maklumat mengenai perisikan, keganasan dan jenayah rentas sempadan terus berjalan," katanya.

Beliau bercakap pada sidang media selepas merasmikan Majlis Penyampaian Bantuan Persekolahan dan Hadiah Kecemerlangan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) Murid Sekolah Rendah Parlimen Bagan Datoh, di sini, semalam.